

# Mahkamah kekurangan 261 jurubahasa

UM 18 APR 2001

KUALA LUMPUR 17 April — Mahkamah-mahkamah seluruh negara menghadapi 261 kekurangan jurubahasa terutama bahasa Cina kerana tiada yang berminat memohon jawatan tersebut.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kekurangan itu agak ketara di tempat-tempat yang mempunyai bilangan mahkamah yang banyak seperti di Kuala Lumpur.

“Tidak dinafikan kekurangan jurubahasa boleh menjejaskan perjalanan sesuatu kes yang telah dijadualkan untuk perbicaraan,” katanya dalam jawapan bertulis pada sidang Dewan Rakyat di sini, hari ini.

Beliau menjawab soalan Fong Po Kuan (DAP-Batu Gajah) mengenai sebab-sebab masalah kekurangan jurubahasa di mahkamah dan usaha mengatasinya.

Bagi jurubahasa Cina, kini terdapat 159 kekosongan diikuti oleh Tamil/Punjabi (90 kekosongan) dan Melayu sebanyak 12 kekosongan.

Dr. Mahathir berkata, masalah kekurangan jurubahasa di mahkamah disebabkan oleh tiga faktor utama iaitu jurubahasa mendapat tawaran kerja dan gaji yang lebih lumayan di sektor swasta.